

30/05/2000

Mengekal jati diri Melayu antarabangsa

Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh

KALI pertama penulis bertemu seorang keturunan Melayu dari luar Alam Melayu ialah ketika mengikut pengajian ijazah Sarjana di Universiti Monash pada 1974. Beliau ialah B A Husseinmiya (kini Dr) bersama isterinya Zaharah, yang berasal dari Sri Lanka. Beliau memperkenalkan dirinya sebagai orang Melayu dari Sri Lanka, mengikuti ijazah Sarjana Pengajian Melayu di Monash tetapi masih belum dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Lapan tahun kemudian pada 1982, Pertemuan Dunia Melayu pertama anjuran Gapena dan Kerajaan Melaka diadakan di kota bersejarah itu. Pertemuan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. B A Husseinmiya dijemput ke atas pentas untuk menyampaikan senaskah manuskrip Melayu (Jawi) dari Sri Lanka untuk Perdana Menteri - simbolis betapa banyaknya manuskrip Melayu (Jawi) di Sri Lanka.

Empat tahun kemudian (1986), di bawah naungan IBKKM (kini Institut Alam dan Tamadun Melayu - ATMA), penulis bersama Prof Farid Onn, Prof Ismail Hamid dan Prof Harun Mat Mat Piah membuka lembaran baru bagi penyelidikan dalam Pengajian Melayu dengan membuat kajian pelbagai aspek kehidupan orang Melayu di Sri Lanka dari segi sejarah penghijrahannya, bahasa, kebudayaan, elit kepemimpinan, sastera, dan aspek Islam dan kepercayaan.

Apa yang kami dapati setelah berkenalan serta bergaul mesra dengan rumpun Melayu ini ialah bahasa Melayu tempatan yang masih dituturkan oleh golongan tua agak sukar kami fahami dan tidak lagi dituturkan oleh generasi muda. Pakaian harian wanitanya adalah sari walaupun mereka mengetahui bahawa batik, baju kebaya, baju kurung dan bersongkok hitam bagi lelaki adalah pakaian orang Melayu. Mereka juga masih mengekalkan masakan acar, dodol, serikaya dan laksa (putumayam yang dicampur santan) sebagai 'makanan Melayu' yang dibawa oleh nenek-moyang dari tanah di Alam Melayu. Jumlah penduduk Melayu di Sri Lanka adalah kira-kira 60,000 orang.

Lebih menarik lagi apabila penulis berkesempatan berkenalan dengan rumpun Melayu di Afrika Selatan menerusi tiga kali kunjungan pada tahun 1980-an dan 1990-an. Melayu di sana yang dikenali sebagai Cape Malays majoritinya mendiami kota Cape Town di samping beberapa ribu yang menetap di Johannesburg, Durban, Port Elizabeth dan beberapa bandar kecil lain. Ketibaan kumpulan pertama moyang mereka di sini adalah pada pertengahan abad ke-17, sama masanya dengan penghijrahan Melayu ke Sri Lanka. Anggaran bilangan mereka adalah sekitar 600,000 orang. Hampir semuanya tidak lagi mampu bertutur dalam bahasa Melayu walaupun ada kitab-kitab Jawi bahasa Melayu yang diwarisi dari nenek-moyang mereka.

Walaupun paras rupa, amalan budaya dan kedudukan ekonomi kedua-dua rumpun Melayu ini berbeza, mereka mempunyai asal-usul keturunan yang sama. Sekumpulan kecil elitnya adalah dari kalangan ulama atau putera dan kerabat diraja yang dibuang negeri kerana menentang penjajah Belanda.

Yang lain adalah dari kalangan banduan atau penjenayah yang dibuang negeri, hamba sebagai komoditi perdagangan dan sekelompok kecil sebagai anggota tentera upahan Belanda ketika Belanda berkuasa di Indonesia, Melaka, Ceylon dan Afrika Selatan. Oleh itu, seawal pertengahan abad ke-19, sudah wujud 'askar Melayu' dengan nama The Malay Frontier di Afrika Selatan dan The Ceylon Rifle Regiment di Sri Lanka.

Satu lagi persamaan antara dua kelompok ini ialah pegangan terhadap Islam yang masih kukuh. Afrika Selatan mempunyai keistimewaan tersendiri apabila terpacak dalam sejarah bahawa Islam bertapak dan berkembang di

sana melalui seorang ulama, Sheikh Yussof dari Makassar. Ini bermakna, Islam tiba di Afrika Selatan dari Alam Melayu dan bukannya dibawa oleh pedagang atau pendakwah dari Tanah Arab.

Pada akhir dekad 80-an, penulis bersama Prof Madya A Halim Ali dari Fakulti Sains Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia berkesempatan pula berkenalan dengan rumpun Melayu di Australia Barat yang mendiami kota Perth dan sebuah bandar kecil di gurun pasir yang lebih tepat dianggap sebagai perkampungan Melayu di Katanning. Di bawah kepemimpinan Dubney Bohin yang dikenali dengan panggilan mesra Nek Diti (Diti adalah nama anak sulung beliau) yang memegang jawatan Presiden, Penduduk Pulau Cocos dan Kerismas di Australia Barat, kami disambut penuh mesra ke mana saja kami pergi. Hasil kajian mengenai kelompok kecil kira-kira 3,000 penduduk ini telah diterbitkan oleh Penerbit UKM di bawah judul Rumpun Melayu di Australia Barat (1998).

Berbeza dengan rumpun Melayu di Sri Lanka dan Afrika Selatan yang mana penulis perlu berkomunikasi dengan mereka dalam bahasa Inggeris, rumpun Melayu di Australia Barat yang kebanyakannya Melayu yang berhijrah dari Pulau Cocos dan Pulau Kerismas dan sebilangan kecil mantan Penyelam Mutiara, rata-ratanya mereka masih fasih berbahasa Melayu ala Indonesia atau ala Malaysia.

Juga, perbezaan dalam aspek taraf sosial yang mana rata-ratanya rumpun Melayu Australia tergolong dalam kumpulan pekerja kelas bawahan manakala di Sri Lanka dan lebih-lebih lagi di Afrika Selatan, ada sekumpulan mereka yang berjaya memasuki strata sosial menengah sebagai pendidik, peguam, guru, jurutera, doktor dan peniaga. Paling ramai mereka yang mendapat pendidikan tinggi ialah Melayu di Afrika Selatan.

Perbincangan antara tiga kelompok rumpun Melayu di tiga wilayah budaya yang berbeza dengan latar belakang sejarahnya yang juga berbeza menunjukkan ciri-ciri jati diri atau identiti Melayunya yang berbeza. Rumpun Melayu di Australia Barat mempunyai ciri-ciri jati diri yang paling hampir dengan Melayu induk di Malaysia.

Mereka fasih bertutur bahasa Melayu, setia mengamalkan ajaran Islam, berpakaian Melayu ala Malaysia, makan masakan Melayu, menonton filem Melayu menerusi pita video atau VCD, mengamal adat resam Melayu dan sering berhubungan dengan saudara mara terdekat yang kini tinggal di Sabah atau Singapura. Ciri-ciri jati diri Melayu masih unggul dan lengkap.

Rumpun Melayu di Sri Lanka dan Afrika Selatan telah kehilangan sebahagian ciri-ciri jati dirinya terutama bahasa pertuturan. Warna kulit juga amat pelbagai seperti berwarna kulit pribumi Afrika, benua Hindi atau putih kemerahan ala Eropah. Ketinggian fizikalnya melebihi purata penduduk di Alam Melayu. Amat sedikit yang masih memiliki warna kulit ciku masak seperti Melayu Malaysia-Indonesia. Sekali pandang, sukar dibezakan antara orang Melayu dan India Muslim baik di Sri Lanka atau di Afrika Selatan. Apa lagi, kedua-duanya beragama Islam. Pengenalan diri mereka sebagai orang Melayu dengan menyusur-galur keturunan berasal dari Alam Melayu sebagai unsur penting jati diri mereka sebagai orang Melayu, selain beragama Islam.

Tidak mudah disangkal teori sosiologi yang menyatakan bahawa apabila sekelompok minoriti berada di bawah naungan atau kuasa kelompok yang lebih dominan budayanya, kelompok minoriti ini akhirnya akan menerap ciri-ciri kelompok dominan.

Akibatnya, sebahagian jika tidak keseluruhan ciri-ciri jati diri yang asal akan hilang - bahasa, rupa dan warna kulit, pakaian dan makanan. Tetapi tidak dari segi agama dan budi bahasa sebagai orang Melayu yang sentiasa mesra dan ramah, melayani seseorang yang sama sebangsa seperti saudara sepupu. Itulah sebenarnya bangsa atau rumpun Melayu yang kini berada di Australia, Sri Lanka dan Afrika Selatan yang pernah penulis

kenali dari dekat.

(END)